

21 APR 2001

Mahathir-Pemulihan

PM CADANG PROGRAM PEMULIHAN UNTUK KAKITANGAN ANTI KERAJAAN

JITRA, 21 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan diadakan program pemulihan pemikiran untuk kakitangan awam anti kerajaan kerana tindakan menukar mereka ke pedalaman tidak membawa banyak manfaat.

Perdana Menteri berkata banyak kes kakitangan yang ditukarkan, menjadi pencetus masalah di tempat baru.

"Saya kurang minat untuk guna cara hantar mereka ke tempat lain," katanya semasa menggulung ucapan penanggunan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sini malam ini.

Beliau berkata melalui pemulihan pemikiran itu diharap kakitangan terbabit akan melihat "cahaya" masa depan mereka.

"Kita dah tak tahu nak buat apa dengan mereka, ada yang cadang hantar ke Sabah," katanya.

"Orang Sabah komplek sebab hantar orang bermasalah. Dulu Langkawi juga cukup bersih, tapi sekarang dah jadi kurang bersih kerana orang-orang seperti ini," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata pendekatan sekarang yang boleh diambil ialah dengan mendekati dan berani berhujah dengan mereka.

Sebelum ini ada juga yang menentang kerajaan tetapi apabila mereka mendapat gambaran sebenar mengenai kerajaan, mereka kembali menyokong, katanya.

"Orang menentang kerajaan kerana mereka tidak mendengar maklumat sebenar mengenai kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau pernah dianggap sebagai pengkhianat bangsa oleh orang-orang yang hanya mendengar maklumat sebelah pihak.

Mengenai Umno, Dr Mahathir berharap para pemimpin dan anggota parti bersama-sama mempertahankan maruah parti dan sanggup menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh golongan anti kerajaan dan Umno.

"Kita juga mesti sanggup mencabar terhadap apa jua dakwaan," katanya.

Beliau juga mencadangkan agar anggota-anggota Umno menghadiri masjid yang didokongi oleh Pas dan merakamkan ucapan-ucapan mereka.

Jika sering berbuat demikian, orang-orang Pas akan takut untuk melakukan pembohongan mereka di masjid, katanya.

Dr Mahathir turut mengingatkan anggota-anggota Umno supaya tidak menghantar anak-anak mereka ke taman bimbingan kanak-kanak kelolaan Pas kerana ia lebih mendatangkan kesan negatif.

Di taman bimbingan anjuran parti pembangkang itu, kanak-kanak dipengaruhi dengan sikap bencikan Umno dan kerajaan.

"Umno juga boleh wujudkan taman bimbingan jika diperlukan. Tidak perlu hantar ke taman bimbingan anjuran Pas," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga sentiasa mengambil berat terhadap keperluan masyarakat luar bandar termasuk yang tidak pernah diminta oleh rakyat.

Sebagai contoh kerajaan sedang membekalkan kemudahan lampu jalan di kawasan luar bandar walaupun tidak diminta oleh rakyat.

"Kos lampu jalan di luar bandar jauh lebih tinggi dari kawasan bandar.. tapi kerajaan lakukannya untuk rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau juga akan meneruskan program melawat bahagian-bahagian Umno seluruh negara bagi mengesan keperluan parti dan rakyat.

Ketika menggulung usul ekonomi sebelum itu, Dr Mahathir berkata rakyat

perlu bersedia menghadapi cabaran kawasan perdagangan bebas Asean (AFTA) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Antara langkah yang boleh diambil ialah meningkatkan pengeluaran sejajar dengan peningkatan kualiti terutama dalam sektor pemakanan, katanya.

Perdana Menteri berkata di Kelantan terdapat usaha untuk mengerjakan sawah antara lima dan tujuh kali bagi tempoh dua tahun berbanding empat kali dalam tempoh yang sama sekarang.

Katanya, langkah itu bukan sahaja akan meningkatkan pengeluaran dengan kos yang rendah malah akan meningkatkan pendapatan para petani.

Beliau juga berharap rakyat tidak menyalahkan kerajaan ketika kejatuhan harga komoditi tertentu di negara ini termasuk kelapa sawit kerana ia juga bergantung kepada pasaran antarabangsa.

Katanya, ketika harga kelapa sawit melambung banyak yang mahu mengusahakannya termasuk di Kubang Pasu tetapi apabila harganya merudum, banyak yang menderita kerananya.

-- BERNAMA

AD MOZ